

**05 Jun 2012**

### **Ahli sindiket, keldai dadah dari Togo ditahan**

KUALA LUMPUR 4 Jun - Polis menumpaskan dua sindiket pengedaran dadah susulan penahanan lapan anggota kumpulan selain menahan seorang keldai dadah wanita warga Togo serta merampas sejumlah dadah bernilai RM1.1 juta dalam tiga operasi berasingan sepanjang minggu lalu.

Dalam serbuan Rabu lalu, polis menahan dua lelaki tempatan serta merampas 25 ketulan mampat daun kering disyaki ganja seberat 28.8 kilogram di dua lokasi berasingan sekitar Batu Caves, Selangor.

Pada hari yang sama, seorang wanita warga Togo ditahan kerana menelan 55 ketulan disyaki dadah jenis syabu seberat 750 gram di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Noor Rashid Ibrahim, siasatan awal polis mendapati wanita berusia 47 tahun itu dikesan memasuki negara ini sebanyak 11 kali sejak 2008.